



**SEMANGAT:** Mohamad Rizal (tengah), Zamri (lima kiri) dan Ahmad Fadly (enam kanan) bersama atlet Kontinjen UMSKAL yang akan menyertai Karnival Sukan Staf UMS 2023 di Kota Kinabalu.

## 37 atlet UMSKAL sedia hadapi KARSUMS 2023

UB 21.09.2023 P.02

**LABUAN:** Seramai 37 atlet Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) bersedia menghadapi Karnival Sukan Staf UMS (KARSUMS) Kali Ke-19 2023 di UMS Kampus Induk Kota Kinabalu pada 21 hingga 24 September ini.

Ketua Kontinjen UMSKAL yang juga Ketua Pentadbiran UMSKAL, Zamri Mohamad Tuah berkata, kontinjen UMSKAL akan menyertai sembilan acara sukan iaitu Bola Tampar Wanita, Petanque Lelaki dan Wanita, Dart, Sepak Takraw, Karom Lelaki dan Wanita, Bola Tampar Lelaki dan Bola Tampar Pantai.

Zamri menaruh keyakinan atlet yang dipilih pada kali ini mampu memberikan saingan kepada kontinjen lain.

Bagaimanapun beliau berharap semua atlet dan pegawai akan sentiasa menjaga disiplin dan mematuhi peraturan yang ditetapkan.

"Ini adalah ruang dan peluang atlet yang dipilih untuk

melepaskan stress sekali gus meningkatkan darjah kegemilangan mereka," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penyerahan Bendera Kontinjen UMSKAL dan Taklimat Sempena Karnival Sukan Staf UMS (KARSUMS) Kali Ke-19 2023 di sini semalam.

Pada majlis itu, Zamri menerima Bendera Kontinjen UMSKAL daripada Ketua Sektor dan Rekreasi UMSKAL, Dr. Ahmad Fadly Abdul Rahman yang disaksikan oleh Pengarah UMSKAL Prof. Madya Dr. Mohamad Rizal Abd Hamid.

Majlis anjuran Sektor Sukan & Rekreasi UMSKAL itu turut dihadiri Timbalan Ketua Kontinjen yang juga Penolong Bendahari Kanan UMSKAL, Mohammad Anwar Abdullah.

Hadir sama, Pengurus Bola Tampar Wanita, Dayang Ruhidah Rapplee. Pengurus Petanque Lelaki dan Wanita, Norhanizah Adnan dan Pengurus Dart, TC. Abdullah

Mangul,

Sementara itu, Mohamad Rizal berkata, walaupun kemenangan jadi sasaran namun penyertaan atlet UMSKAL adalah untuk mengeratkan hubungan persahabatan dan silaturahmi dengan rakan sejawat di UMS Kota Kinabalu dan Kampus Sandakan.

Pada masa sama katanya, atlet dan pegawai adalah duta kecil UMSKAL sekali gus memerlukan mereka menjaga nama baik kontinjen UMSKAL sebelum, semasa dan selepas kejohanan diadakan.

"Saya berharap atlet UMSKAL akan memberikan saingan yang sengit kepada kontinjen lain.

"Sambil atlet menumpukan kepada acara masing-masing tetapi jangan lupa ikuti peraturan yang telah ditetapkan pihak penganjur," katanya.

Beliau berkata, jurulatih dan pengurus boleh memberi kata-kata semangat, tetapi ia tidak berkesan. Setiap pemain perlu melakukannya sendiri.